

mengendahkan melayan tetamu dari mengkaji masalah pertahanan kerana rupanya Mr. Lee telah bertelefon kepada Tengku meminta sokongan, masa itu Tengku menolak.

Kemudian sebagai ugutan kepada kerajaan British ia mengugut hendak menarik wang simpanan Singapura dan akan menukar haluannya daripada terbaik-baik dengan British berpaling menumpukan kepada Jepun ataupun yang lainnya yang menunggu sahaja, barangkali negara Republik China. Kemudian dalam pertahanan pula supaya terjamin keselamatan Singapura, ia akan “menggaji” askar-askar dan jeneral-jeneral dari luar – mungkin boleh jadi dari negeri China, bagi mengawal keamanan Singapura dari pertahanan kerana menurutnya tidak mungkin mereka menyiapkan pasukannya dalam masa dua atau tiga tahun.

Meminjam pelatih-pelatih dari luar, terutamanya dari Israel sememangnya diketahui orang. Apakah tujuan pertahanan ini? Siapa yang ditujunya untuk menyerangnya? Inilah soal-soal yang timbul di negara-negara jiran sebab mungkin salah satu di antara empat negara jiran yang dituju bakal menyerang harus Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina – Siapa lagi yang ada disekeliling republik yang kecil itu?

Cara-cara mengugut ini menurut hemat kita tidaklah bijak kerana ia

menimbulkan lebih banyak permusuhan dari menarik faedah. Jika dasar ini terus dijalankan oleh Mr. Lee Kuan Yew dengan kerajaannya maka mereka bukannya mendapat sahabat tetapi menambah musuh kerana bongkak dan takbur sifatnya dibenci oleh siapa jua pun.

Jangan Pandang Kecil

Peristiwa perunduran kerajaan British sebelum tahun 1971 adalah dengan sendirinya membayangkan perkara-perkara yang sekarang ini menjadi samar-samar di mata Malaysia dan Indonesia terhadap langkah-langkah ketenteraan yang dibuat oleh Republik Singapura.

Singapura memandang bahawa negaranya tidak aman. Ini ada kemungkinan disebabkan langkah-langkah negara-negara di sekelilingnya, dikecualikan Malaysia, seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan Burma- adalah satu kumpulan negara-negara yang tidak senang kepada orang-orang cina sedang Singapura sendiri, sesudah merdeka, sekalipun mengatakan bangsanya Singapura tetapi dipandang oleh negara-negara lain terasnya sebagai satu rumpun dari keturunan Cina. Oleh sebab itu mahu tidak mahu mereka teras akan kemungkinan bahaya-bahaya itu ada dan mungkin pula yang demikian itu dijadikan suatu helah untuk berkemas-kemas diri atau bersiap-siap atas sesuatu tujuan yang lain yang tepat atau tidak tepat mungkin ditujukan kepada Malaysia.

Di dalam membina angkatan-angkatan bersenjata, Singapura memilih Israel sebagai

pelatihnya. Mungkin ini kerana latihan-latihan Israel telah tegas dan keras dari orang lain seperti yang dijalankan di dalam negaranya. Latihan-latihan yang keras berdisiplin yang direncanakan oleh Israel untuk askar Singapura adalah melatih keganasan di dalam tentera sebagaimana mereka melatih orang-orang yang berjalan tidak berbekal dari Tel Aviv ke Haifa – ertinya latihan-latihan yang keras.

Mungkin dengan anjuran itu pula, dengan jalan apa dan bebanan apa sekalipun tiap-tiap pemuda dikerah menjadi tentera – tiap-tiap guru dan kakitangan kerajaan ditugaskan berlatih menjadi tentera. Untuk apa? Untuk bertahan? Tidak mungkin.

Apakah tujuannya ini untuk bertahan? Jika Tengku Perdana Menteri bersedia akan menyerah jika diserang oleh China kerana kekuatan tenteranya apakah tidak kelak Malaysia akan menyerah kalah diserang oleh satu angkatan yang kuat? Dari sebuah negara yang kecil tetapi mempunyai tentera yang kuat? Kita mendengar cara-cara latihan tentera yang keras dan kuat sebab itu soal ini oleh Malaysia janganlah dipandang kecil dan sebab ia kawan tetapi melupakan “ lagi kecil jadi kawan sudah besar jadi lawan” yang membahayakan keselamatan kita. Bersiap-siaplah dan berhati-hatilah!

Kata-kata hikmah

Kalau luka ada ubatnya, akan tetapi akhlak yang buruk itu tak ada ubatnya. - Saiyidina Ali